



MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA
Malaysian Examinations Council



Laporan Peperiksaan **STPM 2023**



Bahasa Melayu (910)

Bahasa Melayu **910/1**

PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 1, sebanyak 31 845 calon menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 87.91% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	11.51	9.90	13.36	11.70	20.00	10.51	10.93	3.90	3.84	1.65	2.72

RESPONS CALON

BAHAGIAN A: Aneka Pilihan

Kunci jawapan

Nombor Soalan	Kunci Jawapan	Nombor Soalan	Kunci Jawapan
1	A	11	A
2	B	12	D
3	B	13	C
4	B	14	C
5	B	15	A
6	D	16	A
7	C	17	D
8	A	18	D
9	C	19	B
10	C	20	D

Komen am

Secara keseluruhannya, prestasi calon dalam bahagian A bagi semester ini adalah sederhana. Terdapat seramai 30 orang calon yang memperoleh markah tertinggi, iaitu 20 markah, manakala seramai 30 orang calon pula mendapat markah terendah, iaitu 1 markah. Berdasarkan respons calon, didapati bahawa semua soalan merupakan soalan beraras sederhana kerana terdapat antara 50 hingga 60 peratus calon dapat menjawabnya dengan betul.

BAHAGIAN B: Pembacaan Kritis dan Analitis

Komen am

Dalam bahagian ini, calon dikehendaki untuk menjawab semua soalan yang diberikan. Calon mestilah menulis jawapan pada kertas tulis jawapan yang disediakan. Markah penuh untuk bahagian ini ialah 30 markah. Secara keseluruhannya, prestasi calon dalam bahagian ini adalah sederhana. Bagi soalan 21 dan 23, kebanyakan calon dapat mengemukakan jawapan yang tepat dan secukupnya. Mereka memperoleh markah penuh untuk kedua-dua soalan ini. Untuk soalan 22, tidak banyak calon yang dapat mengemukakan jawapan yang betul. Untuk soalan 24 pula, kebanyakan calon dapat mengemukakan tiga isi dengan betul namun segelintir calon sahaja dapat menghuraikan isi berkenaan dengan baik. Kelemahan yang ketara ialah ada calon yang tidak memahami kehendak soalan. Walaupun kehendak soalan ialah persediaan oleh orang ramai untuk menghadapi banjir, terdapat juga calon yang mengemukakan persediaan oleh pihak kerajaan.

Komen soalan demi soalan

Soalan 21

Soalan ini menghendaki calon menyatakan keadaan Kampung Delima apabila dilanda banjir. Markah untuk soalan ini ialah empat markah. Oleh itu, calon sepatutnya menyatakan empat isi. Semua isi atau jawapan bagi soalan ini tersurat dalam petikan. Jawapan yang sepatutnya untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (a) Air sungai semakin naik.
- (b) Jalan ditenggelami air.
- (c) Rumah dimasuki air.
- (d) Harta benda rosak.
- (e) Bekalan air terputus.

Kebanyakan calon dapat mengemukakan empat isi bagi soalan ini. Namun demikian, jawapan mereka memperlihatkan kesalahan dalam aspek tatabahasa. Kebanyakan calon melakukan kesalahan membina ayat semasa menyampaikan isi. Contoh jawapan pelajar adalah seperti berikut:

Keadaan Kampung Delima apabila dilanda banjir ialah air sungai di kampung mereka semakin naik dan jalan ditenggelam air dan fikiran Pak Latif semakin kacau melihat air memasuki ruang dapur rumahnya sehingga merosakkan harta benda dan bekalan air terputus.

Soalan 22

Soalan ini menghendaki calon mengemukakan perkara yang dibimbangi oleh Pak Latif sehingga menyebabkan dia hendak pulang ke rumahnya dengan segera. Markah untuk soalan ini ialah dua markah. Calon sepatutnya mengemukakan dua isi bagi soalan ini. Jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (a) Memikirkan peti sejuknya yang sarat dengan muatan
- (b) Daging dalam peti sejuknya akan busuk dan berulat

Kebanyakan calon tidak dapat mengemukakan jawapan yang tepat bagi soalan ini. Ada calon yang menggunakan kata bantu “telah” untuk menggambarkan situasi yang akan berlaku. Hal ini menyebabkan jawapan yang dikemukakan tidak tepat. Contoh jawapan calon adalah seperti yang berikut:

Pak Latif membimbangi peti sejuk di rumahnya telah rosak kerana Pak Latif cuba mengalihkan peti sejuk itu tetapi tidak berjaya. Seterusnya peti sejuk yang dipenuhi daging itu menjadi busuk dan berulat.

Soalan 23

Soalan ini menghendaki calon menyatakan keadaan Pak Latif setelah dia menghidu bau busuk di rumahnya. Markah untuk soalan ini ialah empat markah. Calon seharusnya mengemukakan empat isi bagi soalan ini. Jawapan untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (a) Muntah
- (b) Badannya lemah
- (c) Dadanya sendat
- (d) Nafasnya semakin laju
- (e) Rebah

Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Jawapan untuk soalan ini tersurat dalam petikan. Oleh itu, calon dapat mengesahkan isi untuk soalan ini dengan mudah. Walau bagaimanapun, ada calon yang tidak dapat menyampaikan jawapan dengan menggunakan ayat yang betul. Contoh jawapan calon adalah seperti yang berikut:

Keadaan Pak Latif setelah dia menghidu bau busuk di rumahnya menyebabkan dia gagal bertahan lalu muntah di hadapan peti sejuk yang ternganga. Seterusnya, badannya semakin lemah, dadanya terasa sendat, dan nafasnya semakin laju. Akhir sekali Pak Latif rebah di sisi peti sejuknya.

Soalan 24

Soalan ini menghendaki calon menjelaskan persediaan yang perlu diambil oleh orang ramai untuk menghadapi musim banjir. Panjang jawapan untuk soalan ini hendaklah tidak melebihi 150 patah perkataan. Jumlah markah untuk soalan ini ialah 20 markah. Untuk menjawab soalan ini, calon sepatutnya mengemukakan tiga isi berserta dengan huraian dan contoh yang bersesuaian. Antara isi yang relevan dengan soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (a) Menyimpan dokumen penting di tempat yang selamat
- (b) Menyimpan/memindahkan barang rumah
- (c) Menyediakan bekalan makanan yang mencukupi
- (d) Menyediakan ubat-ubatan/peralatan yang diperlukan
- (e) Mendapatkan maklumat penting tentang banjir
- (f) Membersihkan kawasan perparitan dan persekitaran
- (g) Menempatkan haiwan peliharaan/haiwan ternakan di tempat yang selamat

Sebahagian kecil calon dapat mengemukakan isi yang tepat untuk soalan ini. Mereka dapat menyokong isi dengan huraian yang meyakinkan, seterusnya dapat mengemukakan contoh yang bersesuaian.

Ada calon yang menulis pendahuluan dan kesimpulan seperti eseи, sedangkan aspek ini tidak diperlukan untuk soalan ini. Segelintir calon dapat menghuraikan satu atau dua isi dengan betul. Walaupun begitu, sesetengah calon sekadar dapat mengemukakan isi dengan betul, huraianya tidak tepat, ataupun mengulangi perkara yang hampir sama untuk memanjangkan eseи. Huraian isi yang kurang jelas ditambah dengan pelbagai kesalahan bahasa menyebabkan markah yang diperoleh adalah minimum. Antara kesalahan tersebut termasuklah kegagalan membina ayat dengan betul dan penggunaan penanda wacana yang tidak sesuai, contohnya seperti yang berikut:

Persediaan yang perlu diambil oleh orang ramai untuk menghadapi musim banjir ialah menyimpan dokumen di tempat tinggi. ...
Seterusnya, menyediakan makanan dan minuman untuk dibawa ke pusat pemindahan. ...
Akhir sekali mendapatkan maklumat dari semasa ke semasa. ...

BAHAGIAN C: Penulisan Esei Tidak Berformat

Komen am

Dalam bahagian ini, calon dikehendaki untuk menjawab satu daripada tiga soalan eseи yang diberikan. Markah penuh bagi bahagian ini ialah 50 markah. Calon perlu menulis eseи yang panjangnya antara 600 hingga 650 patah perkataan. Secara keseluruhannya, prestasi calon dalam bahagian ini adalah sederhana. Calon yang berprestasi tinggi dapat mengemukakan isi yang relevan dengan kehendak soalan dan mencukupi bilangannya. Mereka dapat memperkembang isi utama dengan jelas, teratur, berkesan, dan meyakinkan. Bahasa mereka juga lancar dan gramatis. Calon sedemikian dapat menggunakan kosa kata dan istilah khusus yang sesuai dengan soalan yang dipilih. Calon juga dapat menulis eseи yang panjangnya menepati kehendak soalan. Mereka nyata membuat perancangan yang baik dan mampu menghasilkan eseи yang menepati ciri wacana yang utuh.

Kelemahan calon yang ketara ialah mereka tidak dapat menghuraikan isi dengan baik. Walaupun isi yang dikemukakan tepat, huraian isinya ternyata lemah. Contohnya, bagi soalan tentang punca, calon dapat menyatakan isi (punca) dengan betul dalam ayat pertama bagi setiap perenggan. Untuk memanjangkan perenggan, calon mengulangi isi yang sama dengan ayat yang berbeza. Selain itu, calon menulis apa-apa sahaja yang dianggap berkaitan dengan isi dan pada bahagian akhir perenggan, dinyatakan pula langkah atau cadangan yang tidak diperlukan.

Kebanyakan calon melakukan pelbagai kesalahan bahasa, menyebabkan markah bahasa mereka berada pada tahap lemah dan amat lemah. Kebanyakan calon tidak memahami binaan ayat, tidak memahami fungsi penanda wacana, dan ada calon yang menggunakan sesuatu perkataan tanpa memahami maksudnya yang sebenar.

Kesimpulannya, eseи calon tidak menggambarkan bahawa calon menguasai ilmu kepengarangan dan aspek kebahasaan.

Komen soalan demi soalan

Soalan 25

Soalan ini menghendaki calon menulis eseи tentang punca sesetengah remaja dikatakan kurang mengamalkan budaya Timur, seperti bersopan santun, berbudi bahasa, dan menghormati orang tua dan kesannya. Soalan ini mempunyai dua tugas, iaitu punca dan kesan. Antara isi yang relevan untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (a) Punca sesetengah remaja dikatakan kurang mengamalkan budaya Timur
 - (i) Ibu bapa tidak menjadi contoh yang baik
 - (ii) Pengaruh rakan sebaya
 - (iii) Pengaruh media massa
 - (iv) Kekurangan penghayatan terhadap nilai-nilai keagamaan
 - (v) Pihak sekolah kurang berjaya dalam mendidik dan mendisiplinkan pelajar
 - (vi) Sifat semula jadi sesetengah individu
 - (vii) Latar belakang pendidikan

- (b) Kesan sesetengah remaja dikatakan kurang mengamalkan budaya Timur
 - (i) Wujud hubungan yang tidak harmoni antara golongan tua dengan golongan remaja
 - (ii) Pupusnya unsur nilai murni yang sekian lama menjadi amalan
 - (iii) Mendorong wujudnya gejala sosial yang negatif
 - (iv) Menjadi beban bagi pihak sekolah untuk mendisiplinkan mereka
 - (v) Masa depan remaja itu sendiri mungkin menjadi malap dan mereka mungkin terpinggir daripada masyarakat

Kebanyakan calon dapat mengemukakan lima atau enam isi yang menepati kehendak soalan. Walaupun isinya sesuai, huraian isi ternyata lemah. Kebanyakan calon tidak menghuraikan isi yang dikemukakan itu dengan jelas. Sesetengah calon mengulangi perkara yang sama ataupun yang hampir sama meskipun perkara yang dimaksudkan itu sudah pun dinyatakan dalam ayat yang sebelumnya. Contohnya adalah seperti yang berikut:

Punca sesetengah remaja kita dikatakan kurang mengamalkan budaya Timur adalah disebabkan kegagalan ibu bapa mendidik anak-anak. Ibu bapa yang tidak mendidik anak-anak dengan mengamalkan budaya Timur menyebabkan remaja tidak mengamalkan budaya tersebut apabila remaja. Budaya Timur amat penting untuk diamalkan. Tuntasnya, ibu bapa perlu mendidik anak-anak supaya anak-anak mengamalkan budaya tersebut apabila remaja kelak. Ibu bapa perlu menjadi suri teladan dengan mengamalkan budaya Timur agar anak-anak mencontohnya kerana bagaimana acuan begitulah kuihnya. Jelaslah punca sesetengah remaja kita dikatakan kurang mengamalkan budaya Timur adalah disebabkan kegagalan ibu bapa mendidik anak-anak dengan budaya tersebut.

Kebanyakan calon mempersempahkan isi seperti dalam perenggan di atas, yang hakikatnya mengandungi kesalahan seperti yang berikut:

- (a) Ayat pertama merupakan pernyataan isi karangan tetapi strukturnya salah. Ayat kedua mempunyai maksud yang hampir sama dengan ayat pertama. Ertinya, ayat tersebut tidak mengandungi maklumat baharu dan bersifat untuk memanjangkan huraian isi.
- (b) Isi karangan adalah tentang punca tetapi sebahagian huraianya merupakan cadangan yang tidak diperlukan untuk menghuraikan isi tersebut.
- (c) Hampir semua calon di kebanyakan pusat membuat penegasan isi atau dikatakan sebagai kesimpulan kecil dengan menyalin ayat pertama dan menambahkan penanda wacana atau menambahkan perkataan jelaslah, tuntasnya, dan lain-lain. Oleh sebab ayat pertama tidak tepat, ayat yang terakhir yang disalin daripada ayat pertama itu juga tidak tepat. Kesilapan ini menambahkan bilangan kesalahan struktur ayat.

Soalan 26

Soalan ini menghendaki calon menulis esei tentang manfaat menabung dan peranan pelbagai pihak untuk menggalakkan amalan menabung dalam kalangan pelajar. Soalan ini mempunyai dua tugas, iaitu manfaat amalan menabung dalam kalangan pelajar dan peranan pelbagai pihak untuk menggalakkan amalan menabung. Antara isi yang relevan untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (a) Manfaat amalan menabung
 - (i) Menyambung pengajian dengan menggunakan wang tabungan sendiri
 - (ii) Menggunakan wang tabungan ketika kecemasan
 - (iii) Melahirkan tabiat berjimat cermat
 - (iv) Mendapat keuntungan apabila menabung di bank
- (b) Peranan pelbagai pihak untuk menggalakkan amalan menabung
 - (i) Pihak bank perlu mengadakan skim tabungan khas/pakej simpanan yang menarik.
 - (ii) Pihak sekolah perlu mewujudkan Kelab Menabung agar pelajar sentiasa terdedah dengan amalan menabung.
 - (iii) Ibu bapa perlu menabung sebagai teladan kepada anak-anak.
 - (iv) Pihak tertentu memberikan hadiah dalam bentuk akaun simpanan bank untuk pelajar-pelajar cemerlang.
 - (v) Ibu bapa membuka akaun simpanan untuk setiap anak.

Kebanyakan calon dapat mengemukakan isi yang relevan untuk kedua-dua tugasannya ini. Walaupun demikian, ada calon yang mengemukakan isi yang kurang munasabah, misalnya dapat membeli rumah atau kenderaan mewah, dapat membayar kos rawatan pembedahan di hospital, dan dapat membantu orang lain yang mengalami bencana alam. Secara umumnya, wang tabungan dalam kalangan pelajar tidak memungkinkan seseorang itu dapat melakukan perkara tersebut. Hampir semua calon tidak dapat menyampaikan isi manfaat menabung dengan betul. Contohnya, calon mengemukakan isi seperti yang berikut:

Manfaat menabung dapat digunakan semasa pelajar melanjutkan pelajaran di institusi pengajian tinggi. ...

Manfaat menabung seterusnya ialah dapat digunakan semasa seseorang menghadapi kemalangan. ...

Memenuhi keperluan sendiri, misalnya untuk membeli pakaian ialah manfaat menabung. ...

Peranan pihak ibu bapa ialah menjadi suri teladan kepada anak-anak. ...

Akhir sekali, peranan pihak Kerajaan mengadakan kempen kesedaran kepada orang ramai. ...

Ketidaktelitian calon dalam mengemukakan idea jelas kelihatan apabila hampir semua calon menyatakan "amalan menabung dapat...". Ayat yang sedemikian menyebabkan kesalahan dari segi semantik. Sepatutnya, yang ditulis ialah "wang tabungan atau wang yang disimpan dapat...".

Soalan 27

Soalan ini menghendaki calon menulis eseai tentang kesan penyalahgunaan telefon pintar dalam kalangan masyarakat. Antara isi yang relevan untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (a) Mengganggu tugas harian
- (b) Merenggangkan hubungan kekeluargaan
- (c) Menyebabkan pengguna terpengaruh dengan unsur negatif
- (d) Membazirkan wang ringgit
- (e) Mengakibatkan kemalangan
- (f) Menyebabkan maklumat peribadi terdedah
- (g) Menyebabkan penyebaran fitnah
- (h) Mencetuskan pergaduhan dan permusuhan
- (i) Menggalakkan berlakunya jenayah siber
- (j) Menjejaskan kesihatan pengguna

Kebanyakan calon dapat mengemukakan isi yang bersesuaian dengan kehendak soalan. Kelemahan calon yang ketara ialah mereka tidak dapat menghuraikan isi dengan betul. Calon di pusat tertentu didapati menggunakan kerangka yang berikut untuk mempersempahkan isi karangan:

- Ayat 1: Isi
- Ayat 2: Maksud
- Ayat 3: Contoh
- Ayat 4: Bukti
- Ayat 5: Kesimpulan

Selain menyekat kreativiti pelajar untuk menjelaskan isi karangan, kerangka di atas menyebabkan calon hanya dapat menghasilkan karangan yang panjangnya antara 400 hingga 500 patah perkataan, sedangkan kehendak soalan ialah 600 hingga 650 patah perkataan. Hal ini menyebabkan calon kehilangan markah akibat karangannya tidak cukup patah perkataan.

Bahasa Melayu **910/2**

PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 2, sebanyak 29 860 calon menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 67.96% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	9.06	3.77	9.81	9.76	10.89	7.82	16.85	4.08	8.07	3.45	16.45

RESPONS CALON

BAHAGIAN A: Aneka Pilihan

Kunci jawapan

Nombor Soalan	Kunci Jawapan	Nombor Soalan	Kunci Jawapan	Nombor Soalan	Kunci Jawapan
1	D	11	A	21	A
2	A	12	D	22	D
3	B	13	B	23	D
4	D	14	B	24	C
5	A	15	C	25	C
6	C	16	D	26	B
7	C	17	B	27	A
8	B	18	B	28	A
9	D	19	C	29	C
10	A	20	B	30	D

Komen am

Secara keseluruhannya, prestasi calon dalam bahagian A bagi semester ini adalah sederhana. Terdapat seramai 15 orang calon yang memperoleh markah tertinggi, iaitu 30 markah, manakala seramai 3 orang calon pula mendapat markah terendah, iaitu 2 markah. Berdasarkan respons calon, soalan 3, 13, 20, dan 25 merupakan soalan yang mudah kerana lebih 70% dapat menjawabnya dengan betul. Soalan-soalan lain merupakan soalan beraras sederhana bagi calon.

BAHAGIAN B: Struktur

Komen am

Dalam bahagian ini, calon dikehendaki untuk menjawab semua soalan yang diberikan. Secara keseluruhan, prestasi calon dalam Bahagian B adalah sederhana. Daripada markah penuh, iaitu 30 markah, tidak ramai calon yang mendapat markah melebihi 20 markah. Kebanyakan calon menjawab semua soalan. Tidak ramai calon yang meninggalkan ruang jawapan kosong tanpa sebarang jawapan. Kebanyakan soalan, terutamanya tentang tajuk yang lebih kompleks seperti proses pembentukan kata, bentuk ayat, proses penerbitan ayat, dan analisis kesalahan bahasa tidak dapat dijawab dengan tepat oleh sebahagian besar calon. Calon yang berprestasi tinggi dapat menjawab soalan 31, 32, 33, 35, 36(a), dan 37 dengan baik. Calon yang lemah pula menghadapi kesukaran untuk menjawab soalan tertentu. Untuk soalan 32 misalnya, mereka tidak dapat membezakan imbuhan yang membentuk kata nama dengan imbuhan-imbuhan selain itu. Terdapat juga calon yang tidak memahami kehendak soalan kerana ada yang memberikan jawapan bukan dalam bentuk imbuhan tetapi dalam bentuk perkataan berimbuhan. Hal ini menyebabkan calon kehilangan markah. Calon nampaknya menghadapi masalah untuk menjawab soalan yang berkaitan dengan ciri. Kelemahan ini dapat dilihat pada soalan 34. Ramai calon tidak dapat mengenal pasti rangsangan dalam soalan ialah klausa seterusnya menyatakan ciri klausa. Kebanyakan calon hanya dapat memberikan satu sahaja ciri klausa, iaitu klausa bermula dengan huruf kecil dan tidak diakhiri dengan tanda noktah, manakala mereka kehilangan satu markah untuk satu lagi ciri klausa. Bagi soalan soalan 40, iaitu soalan yang berkaitan dengan pengenapastian kesalahan tatabahasa, kebanyakan calon tidak dapat menyatakan sebab berlakunya kesalahan sesuatu tatabahasa itu. Walau bagaimanapun, calon boleh mengenal pasti kesalahan dan sebahagian calon dapat membuat pembetulan dengan baik.

Secara umumnya, terdapat tiga kelemahan yang menjadi punca calon tidak dapat menjawab soalan dengan baik. Pertama, terdapat calon yang tidak memahami konsep atau istilah morfologi dan sintaksis. Konsep-konsep, seperti morfem terikat, morfem bebas, imbuhan, klausa, frasa sendi nama, dan ayat majmuk masih belum dikuasai dengan baik. Oleh sebab mereka tidak memahami konsep dan istilah-istilah tatabahasa ini, mereka telah memberikan jawapan yang tidak sepatutnya untuk soalan tertentu. Kedua, sikap calon yang suka mengambil mudah dan cuai ketika menjawab soalan juga menjadi punca mereka tidak dapat menjawab soalan dengan betul. Hal ini dapat dilihat pada soalan-soalan yang melibatkan pembinaan ayat. Calon sering mengabaikan format penulisan ayat yang betul, iaitu ayat mesti bermula dengan huruf besar dan diakhiri dengan noktah. Ramai calon yang menulis ayat tetapi mengabaikan aspek tanda baca. Hal ini menyebabkan jawapan mereka tidak dapat diterima kerana konsep ayat dalam penulisan haruslah dimulakan dengan huruf besar dan diakhiri dengan noktah. Ketiga, sebahagian calon tidak serius ketika menjawab soalan. Ada yang menjawab soalan secara sambil lewa. Ada calon yang tidak memikirkan sama ada jawapan mereka betul dari segi semantik atau tidak. Kelemahan sebegini menyebabkan calon tidak mendapat markah untuk soalan tertentu.

Komen soalan demi soalan

Soalan 31

Soalan 31 menghendaki calon menyatakan istilah untuk (a) dan (b) berdasarkan rangsangan yang berikut:


	Contoh
(a)	-kan, per....-an, ber-, se-
(b)	sudah, doa, pun, sukan, timbul

Jawapan yang tepat untuk soalan ini ialah (a) morfem terikat dan (b) morfem bebas. Calon yang berprestasi tinggi dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Ada antara mereka yang memberikan jawapan (a) imbuhan dan (b) perkataan. Kedua-dua jawapan ini boleh diterima kerana kedua-duanya merujuk (a) dan (b) seperti dalam rangsangan soalan. Calon yang lemah sukar untuk mengenal pasti (a) dan (b) dan memberikan jawapan yang pelbagai. Antara jawapan yang diberikan oleh calon-calon ini adalah seperti yang berikut:

- (a) alomorf/(proses) pengimbuhan/kata imbuhan
- (b) kata akar/kata dasar/kata tunggal

Soalan 32

Soalan ini berdasarkan rajah yang berikut:



Soalan (a) menghendaki calon menyatakan golongan kata bagi (i) *P* dan (ii) *R*. Golongan kata bagi *P* merupakan kata nama kerana rangsangan menyatakan bahawa *P* ialah kata yang boleh diikuti oleh kata tunjuk atau kata penentu sebagai petunjuk. Dalam hal ini, hanya kata nama sahaja yang boleh diikuti oleh kedua-dua jenis kata tugas di atas, manakala bagi *R*, jawapannya ialah kata adjektif kerana contoh yang diberikan ialah perkataan indah yang merupakan kata adjektif.

Soalan (b) menghendaki calon memberikan satu contoh perkataan bagi *S*, iaitu kata tugas. Untuk soalan ini, calon boleh menyatakan mana-mana contoh dari 17 jenis kata tugas yang terdapat dalam bahasa Melayu, antaranya sudah, telah, akan, masih, yang, serta, daripada, dan dengan.

Ramai calon dapat menjawab soalan (a)(i) dengan baik. Ini menunjukkan bahawa calon memahami konsep atau struktur kata nama. Begitu juga dengan soalan (a)(ii). Calon dapat memberikan jawapan yang tepat, iaitu kata adjektif. Ramai calon juga dapat menjawab soalan (b) dengan baik dengan memberikan contoh-contoh yang bersesuaian.

Calon yang lemah memberikan pelbagai jawapan untuk soalan ini. Terdapat sesetengah calon yang tertukar jawapan untuk soalan (a)(i) dengan soalan (a)(ii). Ini menunjukkan calon menjawab sambil lewa/tidak bersungguh-sungguh. Selain itu, terdapat juga calon yang tidak dapat mengenal pasti golongan kata dan memberikan jawapan kata kerja untuk soalan (a)(i). Untuk soalan (b) pula, calon yang lemah memberikan pelbagai jawapan. Antara jawapan yang diberikan ialah Atiqah, kerusi, cantik, ayah, dan sebagainya. Terdapat juga segelintir calon yang memberikan contoh ayat, seperti "Anas melamar anak gadis pengusaha kain batik itu." sebagai jawapan.

Soalan 33

Soalan ini menghendaki calon menyatakan dua imbuhan kata nama yang sesuai diberikan pada perkataan “sempurna” untuk membentuk kata nama terbitan. Jawapan yang betul untuk soalan ini ialah ke-...-an dan peN-...-an/peN-. Calon yang berprestasi tinggi dapat memberikan kedua-dua jawapan ini. Namun demikian, ada calon yang tidak membaca tugasannya dengan teliti.

Buktinya, mereka bukan memberikan contoh imbuhan sebaliknya mereka menulis perkataan yang telah lengkap dengan imbuhan, seperti kesempurnaan, penyempurnaan, dan penyempurna. Calon yang lemah tidak dapat menjawab soalan ini dengan betul. Mereka tidak memberikan imbuhan kata nama, sebaliknya mereka memberikan imbuhan kata kerja, seperti di-...-kan dan meN-...-kan. Selain itu, ada calon yang memberikan jawapan yang tiada kaitan langsung dengan kehendak soalan, contohnya morfem terikat kompleks, imbuhan apitan, lokatif, terbesar, pemajmukan, kata nama pengimbuhan, maha sempurna, dan benefaktif. Jawapan sedemikian menunjukkan bahawa mereka langsung tidak menguasai aspek pengimbuhan.

Soalan 34

pihak berkuasa menyiasat punca sebenar kejadian itu

Soalan (a) menghendaki calon untuk menyatakan istilah dalam bidang tatabahasa bagi rentetan perkataan yang diberikan dalam rangsangan soalan. Jawapan untuk soalan ini ialah klausa, kerana semua rentetan perkataan tersebut ditulis bermula dengan huruf kecil dan tidak diakhiri dengan noktah.

Soalan (b) menghendaki calon untuk menyatakan dua cara untuk menjadikan rentetan perkataan tersebut sebagai ayat. Contoh jawapan yang betul untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (i) Menulis huruf besar pada permulaan ayat dan mengakhirinya dengan tanda noktah
- (ii) Memberikan intonasi yang sempurna

Kebanyakan calon dapat menjawab soalan (a) dengan tepat. Untuk soalan (b), kebanyakan calon hanya dapat memberikan satu jawapan yang betul. Calon yang lemah tidak dapat memberikan istilah yang tepat sebagai jawapan dalam (a). Ada sesetengah calon meninggalkan ruang jawapan tanpa sebarang jawapan. Sesetengah calon yang lain pula memberikan jawapan yang salah, seperti frasa, klausa tak bebas, klausa bebas, dan ayat aktif transitif. Untuk soalan (b) pula, kebanyakan calon tidak dapat memberikan jawapan yang tepat. Kebanyakan mereka membahagikan jawapan (i) kepada dua bahagian, iaitu (i) bermula dengan huruf besar, dan (ii) diakhiri dengan noktah. Jawapan sebegini menyebabkan kebanyakan mereka hanya mendapat 1 markah sahaja. Selain itu, terdapat juga calon yang menyalin kembali rentetan perkataan tersebut. Hal ini menunjukkan bahawa mereka tidak memahami kehendak soalan.

Soalan 35

Harimau itu menghendap seekor kancil, kemudian bergerak perlahan-lahan ke arah haiwan kecil itu, lantas menerkam mangsanya itu dengan pantasnya.

Soalan ini menghendaki calon menulis dua frasa sendi nama yang terdapat dalam ayat di atas. Jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (a) ke arah haiwan kecil itu
- (b) dengan pantasnya

Calon yang berprestasi tinggi dapat memberikan kedua-dua jawapan ini. Calon yang lemah pula tidak dapat menjawab soalan ini dengan betul. Ramai calon yang hanya menulis “ke” dan “dengan” sebagai jawapan. Hal ini berlaku kerana, ramai calon menyangka bahawa jawapan yang diperlukan ialah kata sendi nama dan bukannya frasa sendi nama. Hal ini menunjukkan sikap pelajar yang tidak bersungguh-sungguh memahami kehendak soalan. Terdapat juga calon yang tidak menyalin keseluruhan frasa sendi nama, sebaliknya mereka hanya menyalin sebahagian sahaja jawapan tersebut, contohnya ke arah, ke arah haiwan kecil, dan dengan pantas. Selain itu, ada juga calon yang memberikan jawapan yang langsung tiada kaitan dengan sendi nama, misalnya itu, lantas, kemudian, haiwan, pantas dan -nya. Ini menunjukkan bahawa calon langsung tidak memahami soalan.

Soalan 36

Soalan ini menghendaki calon membina dua ayat pasif, iaitu (a) ayat pasif dengan perkataan “kena” dan (b) ayat pasif yang mengandungi perkataan yang menggunakan imbuhan pasif ke-...-an. Kebanyakan calon yang berprestasi tinggi dapat membina kedua-dua ayat pasif ini dengan tepat. Contoh jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (a) (i) Budak itu kena pukul.
(ii) Pencuri itu kena tangkap oleh polis.
(iii) Semalam rumah setinggan itu kena roboh.
- (b) (i) Adik keletihan selepas bermain bola.
(ii) Abang kehujanan petang semalam.
(iii) Syafikah keletihan setelah bersukan.

Calon yang lemah memberikan pelbagai jawapan untuk soalan ni. Untuk soalan (a) misalnya, calon memberikan contoh ayat pasif yang menggunakan bentuk “kena” yang sudah dijadikan ayat aktif dan contoh ayat pasif “kena” yang telah diubah dengan diberikan imbuhan ter-. Contoh jawapan calon adalah seperti yang berikut:

- (i) Bola itu terkena adik saya.
(ii) Ibu kena pergi ke tempat itu.
(iii) Aku kena dirikan khemah itu.

Untuk soalan (b) pula, terdapat calon lemah yang menukar imbuhan pasif ke-...-an menjadi kata nama. Hal ini menunjukkan bahawa calon tidak memahami imbuhan pasif dalam bahasa Melayu. Contoh jawapan calon adalah seperti yang berikut:

- (i) Rehat yang cukup dapat melegakan kepenatan sehari.
(ii) Ibu ke kedai membeli barang keperluan.
(iii) Keletihan menyebabkan mereka kurang memberikan perhatian.

Soalan 37

Soalan ini menghendaki calon membina dua jenis ayat perintah, iaitu (a) satu ayat suruhan dan (b) satu ayat permintaan. Contoh jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (a) Buatkan saya secawan kopi.
- (b) Tolong ambilkan buku itu.

Calon yang berprestasi tinggi dapat membezakan ayat perintah dan mereka dapat membina ayat perintah mengikut jenis seperti yang dikehendaki oleh soalan. Contoh jawapan calon adalah seperti yang berikut:


- (a) (i) Duduklah dalam bilik guru.
 (ii) Engkau pergi dari sini.
 (iii) Bacalah buku itu untuk menambahkan ilmu.
- (b) (i) Mohon ambilkan buku itu untuk saya.
 (ii) Tolong beredar dari sini.
 (iii) Minta ambilkan secawan kopi.

Walau bagaimanapun, calon yang lemah tidak dapat membezakan ayat suruhan dan ayat permintaan. Buktinya, mereka memberikan pelbagai jawapan untuk (a) dan (b). Jelas sekali, calon yang lemah tidak memahami konsep ayat perintah. Antara ayat yang dibina oleh calon adalah seperti yang berikut:

- (a) (i) Bolehkah kamu memberikan saya sedikit makanan.
 (ii) Harap kamu lakukan yang terbaik.
 (iii) Diminta semua pelajar bergerak ke dewan sekarang juga.
- (b) (i) Mohon tolong saya menyiapkan kerja itu.
 (ii) Harap para hadirin menunggu sebentar lagi.
 (iii) Aisyah bolehkah kamu pergi ke perpustakaan untuk mengambil buku cikgu?

Soalan 38

Soalan ini berdasarkan rajah yang berikut:



Soalan (a) menghendaki calon menyatakan dua jenis ayat majmuk, iaitu (i) Y dan (ii) Z. Jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (i) Y: Ayat majmuk pancangan komplemen
- (ii) Z: Ayat majmuk pancangan keterangan

Calon yang cemerlang dapat menyatakan kedua-dua jenis ayat majmuk Y dan Z dengan tepat.

Soalan (b) pula menghendaki calon membina satu ayat majmuk pancangan yang menepati Y, iaitu ayat majmuk pancangan komplemen. Contoh jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (i) Fitri menyatakan bahawa dia seorang anggota polis.
- (ii) Dia berharap bahawa semua berjalan dengan lancar.
- (iii) Kerajaan menyarankan agar kami melakukan pelbagai pekerjaan.

Calon yang lemah tidak dapat menjawab kedua-dua soalan dengan tepat. Sebahagian calon memberikan jawapan secara terbalik antara Y dengan Z. Ada calon yang menyatakan bahawa Y ialah ayat majmuk keterangan, manakala Z ialah ayat majmuk komplemen. Ada calon yang tidak menulis ejaan dengan betul, misalnya ayat majmuk komplemen dieja sebagai komplimen. Kesilapan ejaan menyebabkan calon tidak diberikan markah. Untuk soalan (b) pula, kelemahan yang ketara ialah calon tidak dapat membezakan jenis ayat majmuk pancangan. Hal ini menyebabkan mereka bukannya membina ayat majmuk pancangan komplemen, sebaliknya mereka membina ayat majmuk pancangan keterangan dan ayat majmuk gabungan. Contoh ayat yang dibina oleh calon adalah seperti yang berikut:

- (i) Adik turun dari kereta lalu bersalam dengan ibunya.
- (ii) Adik makan nasi sambil menonton televisyen.
- (iii) Pelajar itu ke perpustakaan untuk berbincang.
- (iv) Kita hendaklah sentiasa berdoa supaya hidup kita dirahmati.

Soalan 39

Buah mata kucing yang dipetik oleh mereka itu sangat manis.

Soalan ini menghendaki calon menyatakan dua proses penerbitan ayat di atas. Jawapan yang tepat untuk soalan ini ialah (a) proses peluasan dan (b) proses penyusunan semula. Calon yang berprestasi tinggi dapat menyatakan kedua-dua proses ini dengan tepat. Calon yang lemah memberikan pelbagai jawapan untuk soalan ini. Ada calon yang menulis proses pengguguran sebagai salah satu jawapan. Antara jawapan lain yang dikemukakan calon termasuklah peluasan frasa nama subjek, proses penyusunan semula frasa nama subjek, proses relatif, dan proses penyusunan semula klausa utama. Ada juga calon yang tidak memahami kehendak soalan, menyebabkan jawapan mereka tersasar. Contoh jawapan yang diberikan ialah FN + FK dan FN + FA.

Soalan 40

Soalan ini menghendaki calon menganalisis kesalahan bahasa berdasarkan petikan yang diberikan. Calon perlu menyenaraikan tiga kesalahan bahasa, menjelaskan sebab kesalahan, dan menulis pembetulannya. Petikan yang diberikan adalah seperti yang berikut:

Aktiviti berbasikal dapat meningkatkan tahap kesihatan seseorang. Ianya banyak melibatkan pergerakan fizikal. Selain mengeluarkan peluh, pembakaran lemak dalam badan secara tidak langsung dapat mengelakkan obesiti. Berbasikal secara berkala dapat meningkatkan fungsi jantung, mengurangkan tekanan darah tinggi, dan mengawal gula dalam darah. Selain itu, aktiviti berbasikal juga dapat melegakan stress. Meskipun berbasikal adalah baik untuk kesihatan mental dan fizikal, namun khidmat nasihat profesional turut diperlukan.

Jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

Bil.	Kesalahan	Sebab kesalahan	Pembetulan
(a)	Ianya banyak melibatkan...	Menggunakan kata ganti nama yang salah sebagai subjek	Aktiviti berbasikal banyak melibatkan...
(b)	stress	Kesalahan ejaan kat pinjaman	stres
(c)	Meskipun berbasikal adalah baik untuk kesihatan mental dan fizikal, namun khidmat nasihat...	Menggunakan dua kata hubung pertentangan serentak	Meskipun berbasikal adalah baik untuk kesihatan mental dan fizikal, khidmat nasihat...

Prestasi calon untuk soalan ini adalah sederhana. Hanya ada sebilangan kecil calon dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Mereka dapat mengesan tiga kesalahan bahasa yang terdapat dalam petikan tersebut dan membuat pembetulannya. Kelemahan calon yang ketara ialah mereka tidak dapat menjelaskan sebab kesalahan. Calon yang lemah pula hanya dapat mengesan satu atau dua kesalahan. Kebanyakan calon dapat mengenal pasti kesalahan (a) dan (b) namun mereka tidak dapat membetulkan kesalahan tersebut. Ada calon yang tidak menulis kesalahan dengan lengkap. Ada juga calon yang membiarkan ruang sebab kesalahan kosong tanpa sebarang jawapan.

Contoh jawapan yang diberikan oleh calon adalah seperti yang berikut:

Contoh 1

Bil.	Kesalahan	Sebab kesalahan	Pembetulan
(a)	Ianya	Ia dan nya merupakan golongan kata yang sama iaitu kata tunjuk	Ia
(b)	dapat melegakan stress	penambahan huruf menyebabkan tatabahasa tidak jelas	dapat melegakan stres
(c)	Meskipun berbasikal adalah baik untuk kesihatan..., namun khidmat...	Kesalahan penggunaan kata hubung berpasangan yang tidak tepat	Meskipun berbasikal..., namun khidmat...

Contoh 2

Bil.	Kesalahan	Sebab kesalahan	Pembetulan
(a)	Selain mengeluarkan peluh	Kesalahan kata sendi	Selain daripada mengeluarkan peluh
(b)	Meningkatkan fungsi jantung	Kesalahan perkataan	Menambah fungsi jantung
(c)	Pembakaran lemak dalam badan secara tidak langsung dapat mengelakkan obesiti	Tertinggal kata sendi di	Pembakaran lemak di dalam badan secara tidak langsung dapat mengelakkan obesiti

Bahasa Melayu **910/3**

PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 3, sebanyak 29 438 calon menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 67.52% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	17.04	6.12	6.98	7.29	10.84	10.13	9.12	8.04	8.86	5.21	10.36

RESPONS CALON

BAHAGIAN A: Aneka Pilihan

Kunci jawapan

Nombor Soalan	Kunci Jawapan	Nombor Soalan	Kunci Jawapan
1	C	11	C
2	D	12	D
3	D	13	A
4	A	14	B
5	A	15	C
6	D	16	B
7	A	17	B
8	D	18	C
9	C	19	B
10	A	20	D

Komen am

Secara keseluruhannya, prestasi calon dalam bahagian A bagi semester ini adalah sederhana. Terdapat seramai 19 orang calon yang memperoleh markah tertinggi, iaitu 20 markah, manakala seramai 4 orang calon pula mendapat markah terendah, iaitu 0 markah.

Berdasarkan respons calon, didapati bahawa soalan 10, 14, 15, dan 17 merupakan soalan yang mudah kerana lebih 70 peratus calon dapat menjawabnya dengan betul. Soalan-soalan yang lain pula merupakan soalan yang sederhana bagi calon.

BAHAGIAN B: Struktur

Komen am

Dalam bahagian ini, calon dikehendaki untuk menjawab semua soalan yang diberikan. Secara keseluruhannya, prestasi calon dalam Bahagian B adalah sederhana. Calon dapat dikategorikan kepada calon cemerlang, calon sederhana, dan calon lemah berdasarkan jawapan yang dikemukakan oleh mereka. Calon yang cemerlang dapat menjawab hampir kesemua soalan dengan betul. Calon yang sederhana pula dapat menjawab sebahagian soalan, manakala calon yang lemah tidak dapat menjawab kebanyakan soalan dengan betul.

Kekuatan calon yang cemerlang ialah mereka menguasai tajuk-tajuk dalam semester 3 dengan baik. Mereka dapat memberikan istilah yang betul, dan mereka dapat membina wacana yang utuh. Mereka dapat memberikan jawapan mengikut kehendak soalan. Kelemahan calon yang ketara ialah ada antara mereka yang tidak menguasai tajuk-tajuk dalam semester 3. Hal ini menyebabkan mereka memberikan jawapan yang diketahui oleh mereka, bukannya jawapan yang dikehendaki oleh soalan. Ada calon yang cuai ketika menjawab soalan. Mereka melakukan kesalahan ejaan untuk istilah-istilah tertentu, seperti kohesi, koheren, dialek, idiolek, homonim, meronim, dan gelaran ikhtisas. Kecuaian begini menyebabkan mereka tidak memperoleh markah. Ada juga calon yang tidak mematuhi arahan soalan, misalnya soalan meminta calon membina wacana, tetapi calon membina ayat, dan soalan menyatakan bahawa perkataan yang diberikan tidak boleh diberikan imbuhan, digandakan, ataupun dijadikan dalam bentuk peribahasa namun calon tetap mengubah suai perkataan berkenaan dengan menambah imbuhan atau menggandakannya. Kelemahan begini menyebabkan calon tidak mendapat markah.

Komen soalan demi soalan

Soalan 21

Ciri wacana	
X	Y
Hubungan yang gramatis antara unsur yang membina sesebuah teks atau wacana.	Keteraturan idea antara unit bahasa yang membentuk sesuatu wacana.

Soalan ini menghendaki calon menyatakan istilah X dan Y berdasarkan rangsangan yang diberikan. Jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (a) X: Kohesi
- (b) Y: Koheren

Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Mereka dapat mengenal pasti ciri wacana X dan Y berdasarkan pernyataan yang diberikan dalam rangsangan. Namun demikian, ada calon yang cuai ketika menjawab. Mereka melakukan kesalahan ejaan ketika menjawab. Contohnya, kohesi dieja sebagai kohensi/kohesif, manakala koheren dieja sebagai koheran/koharen. Selain itu, ada calon yang memberikan jawapan terbalik, iaitu koheren untuk X, dan kohesi untuk Y. Calon yang lemah pula memberikan jawapan yang langsung tiada kaitan dengan ciri wacana, contohnya seperti yang berikut:

- (a) X: Penanda leksikal
- (b) Y: Penanda penghubung

Soalan 22

Soalan ini terbahagi kepada soalan (a) dan soalan (b). Soalan (a) berdasarkan petikan yang berikut:

Di Malaysia, terdapat lebih daripada 120 jenis ulam yang terdiri daripada pelbagai jenis tumbuhan. Tumbuhan tersebut terdiri daripada tumbuhan herba kecil dan melata, jenis semusim, pokok renek, dan pokok besar jenis saka.

Soalan (a) menghendaki calon menyatakan dua jenis penanda wacana yang terdapat dalam petikan tersebut. Jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (a) Penanda rujukan
- (b) Penanda leksikal

Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Mereka dapat mengenal pasti kedua-dua jenis penanda wacana yang terdapat dalam petikan tersebut. Calon yang lemah tidak dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Mereka tidak dapat mengenal pasti jenis penanda wacana yang terdapat dalam petikan yang diberikan dalam soalan. Akhirnya, mereka menulis apa-apa sahaja jenis penanda wacana yang diketahui. Selain itu, ada calon yang bukannya memberikan jenis penanda wacana, sebaliknya mereka menulis subkategori bagi sesuatu jenis penanda wacana. Contoh jawapan calon adalah seperti yang berikut:

- (i) (a) Penanda wacana penggantian
(b) Penanda wacana penghubung
- (ii) (a) Penanda elipsis
(b) Penanda penggantian
- (iii) (a) Penanda wacana leksikal berhiponim
(b) Penanda wacana leksikal berkolokasi

Soalan (b) pula menghendaki calon membina sebuah wacana yang mengandungi penanda wacana penggantian. Panjang wacana mestilah tidak melebihi 30 patah perkataan. Contoh jawapan untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

Mereka akan mendaki Gunung Kinabalu pada minggu hadapan. Aktiviti ini merupakan kegiatan tahunan mereka.

Ada calon yang dapat membina wacana seperti yang dikehendaki oleh soalan. Calon sedemikian jelas mempunyai pengetahuan mengenai penanda wacana penggantian dan berupaya menggunakanannya dalam wacana yang utuh. Antara contoh wacana yang dibina oleh calon adalah seperti yang berikut:

- (i) Penduduk Kampung Dusun akan bergotong-royong pada setiap kali adanya kenduri. Amalan ini telah menjadi tradisi di kampung tersebut.
- (ii) Merokok membahayakan kesihatan kita. Tabiat ini patut dijauhi.
- (iii) Mendaki gunung membawa banyak manfaat. Aktiviti ini wajar menjadi amalan.

Ada calon yang tidak dapat membina wacana dengan betul kerana mereka tidak dapat membezakan jenis penanda wacana. Hal ini menyebabkan mereka bukannya membina wacana dengan menggunakan penanda wacana penggantian sebaliknya mereka membina wacana yang menggunakan penanda wacana rujukan, penanda wacana leksikal, dan juga penanda wacana penghubung. Selain itu, ada calon yang tidak membina wacana, sebaliknya mereka membina ayat. Contoh wacana yang dibina oleh calon adalah seperti yang berikut:

- (i) Ali, Abu, dan Joyah sering datang ke sekolah lambat. Mereka lambat ke sekolah kerana lambat bangun pagi. Hal ini kerana pelajar-pelajar itu sering tidur lambat kerana bermain telefon pintar.
- (ii) Hilman membantu neneknya mengemas rumah. Dia membantu dengan menyapu sampah, mengemop lantai, membersihkan kipas, mencuci pasu dan lain-lain.
- (iii) Aishah membawa bekal nasi goreng yang dimasak oleh emaknya ke sekolah. Makanan yang dimasak oleh emaknya dalam kuantiti yang sedikit. Kemudian, emaknya memasak semula makanan lain untuk ayahnya pergi ke kerja.

Soalan 23

Jenis retorik Q

Seni pemakaian bahasa yang digunakan untuk memaparkan urutan peristiwa mengikut turutan tertentu.

Soalan (a) menghendaki calon menyatakan jenis retorik Q. Jawapan yang tepat untuk soalan ini ialah retorik penceritaan. Kebanyakan calon dapat mengenal pasti jenis retorik Q berdasarkan pernyataan yang diberikan dalam soalan. Namun demikian, calon yang tidak menguasai tajuk retorik tidak dapat mengenal pasti jenis retorik Q. Hal ini menyebabkan calon menulis apa-apa sahaja jenis retorik yang diketahui oleh mereka. Antara jawapan yang diberikan oleh calon ialah retorik pemerian, pendedahan, dan penggantian.

Soalan (b) menghendaki calon membina satu wacana yang menepati jenis retorik Q. Panjang wacana mestilah tidak melebihi 30 patah perkataan. Contoh jawapan untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

Adam terkejut melihat Sarah berdiri di hadapannya. Wajah comel Sarah membuatkan emosinya sedikit menurun. Amarahnnya kepada Sarah semakin mencapai tahap sifar.

Ada calon yang dapat membina wacana yang menepati retorik Q, iaitu retorik penceritaan. Wacana yang dibina berkoheren, selain mengandungi urutan peristiwa, seperti yang dinyatakan dalam soalan. Contoh wacana yang dibina oleh calon adalah seperti yang berikut:

- (i) Aku terjaga kerana melihat kelibat di sebalik tingkap bilikku. Aku berlari memasuki bilik air untuk menyembunyikan diri. Sesekali aku mengintai, sehingga kelibat itu berlalu pergi.
- (ii) Raisha bertempik ke arah Amin. Mukanya merah padam menahan marah. Rakan-rakan lain hanya memerhati. Akhirnya, Amin berlalu pergi.
- (iii) Motor itu ditunggang laju oleh seorang pemuda. Dia tidak hiraukan kesibukan lalu lintas. Dia tetap cuba menerobos kesesakan itu. Lama-kelamaan, kelibat motor itu tidak lagi kelihatan.

Calon yang tidak dapat mengenal pasti jenis retorik Q nyata tidak dapat membina wacana yang menepati jenis retorik tersebut, sebaliknya mereka membina wacana yang menepati retorik pendedahan dan pemerian. Ada calon yang membina wacana yang mengandungi unsur penceritaan namun wacana berkenaan memperlihatkan ciri retorik pemerian yang lebih menonjol. Selain itu, ada calon yang tidak membina wacana, sebaliknya mereka membina satu ayat sahaja. Contoh jawapan calon adalah seperti yang berikut:

- (i) Jejaka kacak itu berpakaian segak. Rambutnya dibelah tengah. Kemeja merah, berseluar merah menonjolkan lagi keterampilannya. Dia menegurku. Hatiku berdegup kencang.

- (ii) Langkah pertama dalam berwuduk ialah niat. Seterusnya, membasuh keseluruhan muka. Kemudian membasuh tangan hingga ke siku. Berikutnya, membasuh kepada dan diakhiri dengan membasuh kaki.
- (iii) Cuaca sekarang sangat panas. Manusia menjadi lemah dan sakit.

Soalan 24

I	II
Dimulakan dengan pernyataan umum dan diikuti oleh pernyataan khusus	Dimulakan dengan pernyataan khusus dan diikuti oleh pernyataan umum

Soalan ini menghendaki calon menyatakan jenis teknik penyampaian idea I dan II berdasarkan pernyataan yang diberikan dalam soalan. Jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (a) Teknik penyampaian idea deduksi
- (b) Teknik penyampaian idea induksi

Calon yang menguasai tajuk ini dapat mengenal pasti kedua-dua teknik penyampaian idea I dan II berdasarkan pernyataan yang diberikan. Calon yang tidak menguasai tajuk ini tidak dapat membezakan teknik penyampaian idea deduksi dan induksi. Hal ini menyebabkan mereka memberikan jawapan secara terbalik, iaitu teknik penyampaian idea induksi untuk I dan teknik penyampaian idea deduksi untuk II. Ada calon yang menulis jawapan secara tidak lengkap, menyebabkan jawapan berkenaan salah dari segi semantiknya, contohnya penyampaian deduksi atau idea deduksi. Ada pula calon yang jelas tidak mempunyai pengetahuan langsung mengenai teknik penyampaian idea. Buktinya, mereka memberikan jawapan yang langsung tidak berkaitan dengan tajuk ini. Contoh jawapan calon adalah seperti yang berikut:

- (i) (a) Denotatif
(b) Konotatif
- (ii) (a) Mengikut format
(b) Pengiklanan

Soalan 25

Soalan (a) menghendaki calon menyatakan konsep variasi bahasa. Antara jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (i) Kelainan bahasa dalam sesuatu bahasa.
- (ii) Perbezaan yang terdapat dalam sesuatu bahasa.
- (iii) Kelainan bahasa dalam konteks penggunaan sebenar.

Ada segelintir calon yang dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Mereka dapat menyatakan konsep variasi bahasa seperti dalam (i) dan (ii) di atas. Kebanyakan calon yang lain seolah-olah tidak mempunyai pengetahuan tentang konsep variasi bahasa. Buktinya, mereka menulis apa-apa sahaja yang dirasakan betul. Calon juga terkeliru dengan konsep bagi topik yang lain, misalnya laras bahasa dan pragmatik. Contoh jawapan yang diberikan oleh calon adalah seperti yang berikut:

- (i) Variasi bahasa adalah kelainan pertuturan antara bahasa.
- (ii) Variasi bahasa merupakan ungkapan bahasa mengikut jenis bahasa dan berlainan makna.
- (iii) Variasi bahasa menggunakan bahasa yang ditunjukkan oleh perbezaan penutur.

(i)	Kelainan pertuturan yang disebabkan oleh faktor geografi atau kawasan.
(ii)	Kelainan pertuturan yang disebabkan oleh faktor individu atau orang perseorangan.

Soalan (b) menghendaki calon menyatakan jenis variasi bahasa dalam (i) dan (ii) di atas. Jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (i) Dialek
- (ii) Ideolek

Calon yang menguasai tajuk variasi bahasa dapat mengenal pasti kedua-dua jenis variasi bahasa (i) dan (ii) berdasarkan pernyataan yang diberikan dalam soalan. Namun demikian, ada calon yang cuai ketika menjawab soalan ini. Mereka melakukan kesalahan ejaan, misalnya dialek dieja sebagai dialek dan idiolek dieja sebagai idolek. Selain itu, ada calon yang memberikan istilah yang salah, misalnya bahasa dialek dan bahasa idiolek, menjadikan jawapan mereka salah. Calon yang lemah pula langsung tidak dapat mengenal pasti kedua-dua jenis variasi bahasa tersebut. Mereka menulis apa-apa sahaja jenis variasi bahasa yang diketahui oleh mereka. Contoh jawapan yang diberikan oleh calon adalah seperti yang berikut:

1. (i) Bahasa dialek
(ii) Bahasa ideolek
2. (i) Variasi bahasa isoglos
(ii) Variasi bahasa pijin
3. (i) Subdialek
(ii) Bahasa slanga

Soalan 26

Maka kata Laksamana Hang Tuah, “Ampun tuanku beribu-ribu ampun, jika patik diutuskan untuk menyeberang lautan api sekalipun nescaya patik junjung dan sanggup melakukannya.” Maka titah Sultan, “Baiklah Laksamana, bersegeralah membuat persiapan untuk berangkat ke Benua Siam.”

Soalan ini menghendaki calon memberikan dua ciri variasi bahasa yang terdapat dalam petikan di atas. Antara jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (a) Menggunakan ungkapan rutin
- (b) Mengandungi kosa kata khusus
- (c) Menggunakan sistem panggilan dan rujukan hormat
- (d) Menggunakan kata ganti nama diri yang khusus

Kebanyakan calon dapat mengenal pasti jenis variasi bahasa dalam petikan tersebut, iaitu variasi bahasa istana. Mereka dapat menyatakan dua ciri variasi bahasa istana yang terdapat dalam petikan yang diberikan dalam soalan. Namun demikian, ada juga calon yang memberikan ciri yang tiada dalam petikan, iaitu mengandungi pemulukan dan pendinaan. Calon yang lemah pula memberikan ciri

yang umum, yang bukan merupakan ciri variasi bahasa istana yang terdapat dalam petikan. Contoh jawapan yang diberikan oleh calon adalah seperti yang berikut:

- (i) (a) Menggunakan tatabahasa yang betul
(b) Menggunakan laras bahasa istana
- (ii) (a) Terdapat unsur kata imaginatif
(b) Terdapat unsur kata yang kreatif
- (iii) (a) Menggunakan kosa kata bahasa istana
(b) Menggunakan unsur pemulukan dan pendinaan

Soalan 27

	Perkataan	Bahasa baku	Bahasa basahan
(a)	Pakai
(b)	Habis

Soalan ini menghendaki calon membina satu ayat yang menepati variasi bahasa baku dan satu ayat yang menepati variasi bahasa basahan, dengan menggunakan setiap perkataan dalam (a) dan (b) di atas. Perkataan tersebut tidak boleh diberikan imbuhan, digandakan, atau dijadikan dalam bentuk peribahasa. Contoh jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

	Perkataan	Bahasa baku	Bahasa basahan
(a)	Pakai	Baju batik itu telah saya pakai semalam.	Cakap awak tak boleh pakai langsung.
(b)	Habis	Beras yang kami bawa baru sahaja habis dimasak.	Habis <i>plan</i> kita kali ni.

Calon yang cemerlang dapat membezakan kedua-dua jenis variasi bahasa baku dan bahasa basahan, seterusnya membina ayat yang bersesuaian dengan menggunakan perkataan pakai dan habis. Ayat yang dibina menepati ciri variasi bahasa baku dan variasi bahasa basahan. Contoh ayat yang dibina oleh calon adalah seperti yang berikut:

	Perkataan	Bahasa baku	Bahasa basahan
(a)	Pakai	<ul style="list-style-type: none"> (i) Baju kurung itu akan saya pakai esok. (ii) Jangan lupa pakai tali pinggang keselamatan. (iii) Sila pakai baju sukan esok. 	<ul style="list-style-type: none"> (i) Adik pakai baju yang emak beli. (ii) Jangan pakai barang aku. (iii) Pakai duit ni untuk beli buku.
(b)	Habis	<ul style="list-style-type: none"> (i) Lauk-pauk di gerai itu telah habis dijual. (ii) Makanan di atas meja itu telah habis dimakan. (iii) Minyak masak di pasar raya telah habis. 	<ul style="list-style-type: none"> (i) Gas di rumah dah habis. (ii) Habis duit gaji aku. (iii) Aku dah habis kelas.

Ada segelintir calon yang nampaknya tidak dapat membezakan variasi bahasa baku dengan variasi bahasa basahan. Sepatutnya, ayat yang dibina untuk variasi bahasa baku adalah gramatis, iaitu betul dari segi tatabahasa dan semantiknya. Namun demikian, ada calon yang melakukan kesalahan tatabahasa dalam ayat yang dibina untuk variasi bahasa baku. Ada pula calon yang terkeliru antara variasi bahasa basahan dengan variasi bahasa yang lain, seperti bahasa pasar, bahasa slanga, dan pijin. Buktinya, ayat yang dibina untuk variasi bahasa basahan mengandungi ciri-ciri variasi bahasa yang lain yang lebih menonjol. Selain itu, ada calon yang tidak mematuhi arahan soalan. Mereka mengubah suai perkataan yang diberikan dengan menambah partikel, imbuhan, dan menjadikan kata tunggal tersebut kepada kata majmuk. Kesannya, mereka tidak memperoleh markah walaupun ayat yang dibina oleh calon adalah seperti yang berikut:

	Perkataan	Bahasa baku	Bahasa basahan
(a)	Pakai	(i) Guo mo pakai kereta. (ii) Pakaian yang cantik itu ditawarkan dengan harga yang murah. (iii) Adik suka pakai baju Melayu.	(i) You pakai dulu duit I untuk beli buku tu. (ii) Kamu pakai belum baju yang dibeli semalam. (iii) Adik selalu pakai baju Melayu.
(b)	Habis	(i) Awek lu habis kalau sama gua. (ii) Pemuda itu telah menghabiskan masa dengan bermain permainan video. (iii) Masa peperiksaan telah habis.	(i) You makanlah kuih ni sampai habis. (ii) Pemuda itu sangat kecewa kerana kuih yang dibelinya habis dijual. (iii) Habislah kita kali ni.

Soalan 28

Soalan (a) menghendaki calon menyatakan dua persamaan ciri laras bahasa iklan dengan laras bahasa sukan. Jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (i) Menggunakan bahasa yang menimbulkan kesan emotif
- (ii) Kurang menitikberatkan ketepatan tatabahasa

Calon yang menguasai tajuk laras bahasa dapat memberikan dua persamaan ciri antara laras bahasa sukan dengan laras bahasa iklan. Calon yang lemah memberikan ciri yang umum bagi kedua-dua jenis laras bahasa ini. Mereka jelas tidak mengetahui persamaan ciri kedua-dua laras bahasa iklan dan laras bahasa sukan. Contoh jawapan yang diberikan oleh calon adalah seperti yang berikut:

1. (i) Banyak menggunakan kata adjektif dalam ayat
 (ii) Menggunakan ayat yang ringkas dan padat
2. (i) Menggunakan bahasa yang tidak formal
 (ii) Menarik minat khalayak

3. (i) Menggunakan bahasa yang kreatif dan imaginatif
(ii) Penjelasan mengikut turutan

Soalan (b) menghendaki calon membina satu wacana yang menepati laras bahasa iklan untuk menguar-uarkan satu pertandingan sukan. Panjang wacana mestilah tidak melebihi 30 patah perkataan. Contoh jawapan untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

Hadiah terhebat! Wang tunai dan piala untuk pemenang pertama hingga keempat. Penyertaan terhad kepada 50 pasukan pertama. Pertandingan futsal terbuka Daerah Kuala Muda 20-31 Ogos 2023, bertempat di Dewan Sukma. Maklumat lanjut hubungi 011-1231234.

Kebanyakan calon dapat membina wacana seperti yang dikehendaki oleh soalan. Wacana yang dihasilkan menepati laras bahasa iklan dan menepati tema, iaitu tentang pertandingan sukan. Wacana yang dihasilkan juga berkohesi dan berkoheren. Contoh jawapan calon adalah seperti yang berikut:

- (i) Marilah datang beramai-ramai ke Stadium Shah Alam bagi menyaksikan perlawanan bola sepak antara Selangor FC dengan JDT. Tiket serendah RM50 sahaja!
- (ii) Karnival sukan akan diadakan pada hari Sabtu ini bertempat di padang Tembok Besar. Ayuh kita jayakan! Hadiah menarik menanti anda!
- (iii) Satu perlawanan persahabatan bola jaring akan diadakan antara team biru dengan team merah. Mari sama-sama kita saksikan siapakah yang akan memenangi perlawanan ini! Jom sokong team anda!

Calon yang lemah tidak dapat membina wacana seperti yang dikehendaki oleh soalan. Wacana yang dibina hanya menepati laras bahasa iklan namun tidak berkaitan dengan pertandingan sukan. Contoh wacana yang dibina oleh calon adalah seperti yang berikut:

- (i) Anda ingin hadiah lumayan? Sertai kami di pertandingan bola sepak. Rebut peluang ini. Hadiah menarik menanti anda. (wacana ini hanya berfokus pada hadiah, bukannya pertandingan sukan)
- (ii) Sila beli ubat ini supaya badan menjadi kuat dan bertenaga. Kesannya anda tidak akan penat sepanjang hari.
- (iii) Sempena bulan kemerdekaan ini, pihak majlis daerah akan menganjurkan aktiviti sukan tradisional. Terdapat pelbagai jenis hadiah yang menanti. Jangan lepaskan peluang anda!

Soalan 29

- (a) tangan kanan
- (b) muka tembok
- (c) kepala angin

Soalan ini menghendaki calon membina satu ayat dengan menggunakan setiap frasa di atas bagi menunjukkan makna konotatif. Frasa tersebut tidak boleh digandakan atau diberikan imbuhan. Contoh jawapan untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (a) Ramli diberikan tanggungjawab untuk menguruskan syarikat kerana beliau merupakan tangan kanan pengurus syarikat itu.
- (b) John masih meminta wang daripada kawan-kawannya kerana dia sememangnya muka tembok.
- (c) Mohan tidak disenangi oleh rakan-rakannya kerana dia sering bersikap kepala angin.

Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Mereka tidak dapat membina ayat yang dapat menunjukkan makna konotatif setiap frasa tersebut. Ayat yang dibina jelas menunjukkan bahawa calon sebenarnya tidak memahami maksud setiap frasa yang diberikan. Contoh ayat yang dibina oleh calon adalah seperti yang berikut:

- (a) tangan kanan
 - (i) Tangan kanan kau ni cantik je aku tengok, Kiah.
 - (ii) Adik menjemur baju menggunakan tangan kanan kerana tangan kirinya itu sakit.
 - (iii) Fasihah menyifatkan Anis sebagai tangan kanan kerana Anis menyiapkan sesuatu pekerjaan dengan cepat.
- (b) muka tembok
 - (i) Kau ni cantiklah macam muka tembok aku tengok.
 - (ii) Muka Afiq digelar oleh kakaknya muka tembok kerana mukanya banyak jerawat.
 - (iii) Amalin digelar muka tembok kerana tetap ke sekolah setelah dimarahi oleh guru.
- (c) kepala angin
 - (i) Ikkutkan saja kata si kepala angin supaya perjalanan kita berjalan lancar.
 - (ii) Adik dipanggil kepala angin kerana sentiasa marah apabila ditegur.
 - (iii) Kepala angin dari timur ke barat sudah pun reda.

Soalan 30

I	Lauk yang dimasak oleh bakal isteri awak agak <i>tawar</i> .
II	Sebelum membeli apa-apa, harga sesuatu barang itu haruslah kita <i>tawar</i> .

Soalan (a) menghendaki calon menyatakan perkaitan makna dari segi leksikal bagi perkataan yang berhuruf condong dalam ayat I dan ayat II di atas. Jawapan yang tepat untuk soalan ini ialah homonim. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Mereka mengetahui bahawa perkataan yang berhuruf condong itu tidak mempunyai kaitan makna. Oleh itu, perkaitan antara dua perkataan itu ialah homonim. Ada calon yang memberikan jenis homonim sebagai jawapan, iaitu homofon dan homografi. Calon yang lemah memberikan pelbagai jenis perkaitan makna yang lain sebagai jawapan, antaranya ialah antonim, sinonim, dan polisemi. Ada pula calon yang nampaknya tidak mempunyai pengetahuan langsung terhadap tajuk ini. Buktinya, mereka memberikan jawapan yang jauh tersasar, contohnya pengulangan kata yang sama (penanda leksikal).



Soalan (b) menghendaki calon menyatakan istilah bagi perkaitan makna dari segi leksikal berdasarkan rajah yang diberikan bagi setiap perkataan yang berikut:

- (i) Tangan
- (ii) Binatang
- (iii) Tupai

Jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (i) Tangan: meronim
- (ii) Binatang: superordinat/hipernim
- (iii) Tupai: hiponim

Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Mereka dapat mengenal pasti hubung kait antara setiap perkataan yang dalam rajah yang diberikan. Ada sebilangan kecil calon yang cuai ketika menjawab soalan ini. Mereka melakukan kesalahan ejaan, misalnya superordinat dieja sebagai superodinat dan meronim dieja sebagai mironim. Calon yang lemah memberikan jawapan yang salah, iaitu dengan menulis apa-apa perkaitan makna leksikal yang diketahui oleh mereka.

Ada calon yang bukannya memberikan istilah perkaitan makna, sebaliknya mereka memberikan huraian bagi setiap perkataan tersebut. Contoh jawapan calon adalah seperti yang berikut:

1. (i) Mironim
 - (ii) Hiponim
 - (iii) Homonim
2. (i) Anggota badan manusia
 - (ii) Haiwan yang hidup di dunia
 - (iii) Hiponim
3. (i) Holonim/pancaindera
 - (ii) Super ordinat/fauna
 - (iii) Meronim/binatang daratan

Soalan 31

(i)	“Kau jangan beritahu rahsia ni kepada Alif, kau bukannya tak tahu, Alif tu suka membocorkan rahsia kawan-kawan dia,” kata Safwan kepada Johan.
(ii)	“Apalah kau ni Amran. Tak sampai lima minit aku bagitau, kau dah tak ingat apa yang aku cakap. Kau ni berangan ke apa?” Rungut Afifi kepada kawannya Amran.

Soalan (a) menghendaki calon menyatakan simpulan bahasa yang sesuai dengan sikap Alif dalam situasi (i) dan sikap Amran dalam situasi (ii) di atas. Jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (i) Mulut tempayan/cupak pesuk
- (ii) Otak kapur

Ada segelintir calon dapat memberikan simpulan bahasa yang tepat bagi soalan ini. Mereka nyata dapat memahami situasi dan dapat memberikan simpulan bahasa yang bersesuaian. Agak ramai calon tidak dapat menjawab soalan ini. Hal ini berkemungkinan kerana agak sukar untuk mengingati simpulan bahasa berserta dengan maksudnya. Oleh sebab itulah, mereka tidak dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Calon memberikan simpulan bahasa yang jauh menyimpang daripada situasi yang diberikan. Ada calon yang bukannya memberikan simpulan bahasa, sebaliknya mereka memberikan ungkapan yang kononnya bersesuaian dengan situasi dalam petikan yang diberikan. Contoh jawapan calon adalah seperti yang berikut:

1. (i) Mulut bocor
(ii) Makan semut
2. (i) Mulut becok
(ii) Mat jenin
3. (i) Biar pecah di perut, jangan pecah di mulut
(ii) Bahasa herdik

Rebung tak jauh dari rumpun

Soalan (b)(i) menghendaki calon menyatakan makna peribahasa di atas. Jawapan yang tepat untuk soalan ini ialah perangai anak-anak akan sama dengan perangai orang tuanya. Ada segelintir calon dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Mereka dapat menyatakan maksud peribahasa tersebut. Ada calon yang tidak dapat menggambarkan sifat sebenar rebung dan asalnya. Hal ini menyebabkan mereka memberikan makna yang tidak tepat untuk peribahasa tersebut. Ada calon yang memberikan maksud yang jauh tersasar daripada peribahasa sebenar. Contoh jawapan yang diberikan oleh calon adalah seperti yang berikut:

1. Walaupun sudah besar, perangai tetap sama
2. Saling melengkapi dan memerlukan antara satu sama lain
3. Setiap yang berhasil tidak menyimpang jauh dari asasnya

Soalan (b)(ii) menghendaki calon membina satu wacana dengan menggunakan peribahasa yang diberikan dalam soalan bagi menunjukkan maknanya dengan tepat. Panjang wacana mestilah tidak melebihi 30 patah perkataan. Contoh jawapan untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

Pak Halim suka menderma, anak-anaknya juga begitu. Sikap anak-anak Pak Halim ini umpsama rebung tak jauh dari rumpun.

Calon yang mengetahui maksud peribahasa rebung tak jauh dari rumpun dapat membina wacana yang utuh dengan menggunakan peribahasa ini. Mereka dapat menulis wacana yang dapat menunjukkan maksud peribahasa ini dengan tepat. Contoh jawapan calon adalah seperti yang berikut:

1. Wana seorang yang sangat rajin dan berbudi bahasa. Wana umpsama rebung tak jauh dari rumpun kerana ibunya juga seorang yang rajin dan berbudi bahasa.
2. Siti dan adiknya suka berniaga. Ibu bapanya juga suka berniaga. Mereka inilah dikatakan seperti rebung tak jauh dari rumpun.
3. Leman dan bapanya seperti rebung tak jauh dari rumpun. Leman mewarisi sikap bapanya yang panas baran.

Calon yang tidak mengetahui maksud peribahasa berkenaan membina wacana yang tidak tepat dengan maksud peribahasa tersebut. Mereka membina wacana berdasarkan maksud peribahasa yang ditulis untuk jawapan (b)(i). Selain itu, ada calon yang membina wacana tanpa menggunakan peribahasa tersebut. Hal ini menyebabkan mereka tidak memperoleh markah, walaupun wacana yang dibina itu menggambarkan maksud peribahasa yang diberikan dalam soalan. Selain itu, ada calon yang bukannya membina wacana, sebaliknya mereka menulis satu ayat sahaja. Contoh jawapan calon adalah seperti yang berikut:

1. Ali dan Aiman merupakan dua sahabat sejak di bangku sekolah lagi. Mereka berdua akan sentiasa melakukan perkara bersama dan tidak boleh berpisah seperti rebung tak jauh dari rumpunnya.
2. Siti merupakan seorang yang keras kepala. Masuk akallah sifatnya sedemikian kerana rebung tak jauh dari rumpunnya.
3. Hubungan Fasihah dan Anis sangat rapat. Ke mana sahaja mereka tetap ada bersama. Keakraban mereka bagaikan rumpun tak jauh dari rebung.

Soalan 32

Sejak kau pergi meninggalkan kampung, terasa sunyi kampung ini bagaikan tiada penghuni. Burung berhenti berkicau, cengkerik tidak lagi bersahut-sahutan, malah ayam jantan juga tidak lagi berkокok menyambut matahari pagi.

Soalan (a) menghendaki calon menyatakan ragam bahasa dalam petikan di atas. Jawapan yang tepat untuk soalan ini ialah ragam bahasa melampau/ragam bahasa besar. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Ada segelintir calon yang tidak dapat mengenal pasti jenis ragam bahasa dalam petikan tersebut. Hal ini menyebabkan mereka memberikan pelbagai jenis ragam bahasa yang lain sebagai jawapan, antaranya ragam bahasa sindiran, ragam bahasa bertimbang, dan ragam bahasa merajuk. Jawapan tersebut menunjukkan bahawa calon tidak dapat membezakan jenis ragam bahasa.

tanggungjawab seorang pelajar

Soalan (b) menghendaki calon membina satu wacana berdasarkan frasa di atas bagi menunjukkan ragam bahasa pertanyaan ingkar. Panjang wacana mestilah tidak melebihi 30 patah perkataan. Contoh jawapan untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

Untungkah seseorang yang mengabaikan terus tanggungjawab mereka sebagai pelajar?

Adakah mereka ini nanti akan dinobatkan sebagai pelajar cemerlang negara? Nampaknya, jauh panggang dari api.

Calon yang mengetahui jenis ragam bahasa pertanyaan ingkar dapat membina wacana bertemakan frasa tanggungjawab seorang pelajar. Wacana yang dibina berkohesi dan berkoheren. Contoh jawapan yang diberikan oleh calon adalah seperti yang berikut:

- (i) Adakah kamu faham tanggungjawab kamu sebagai pelajar? Selain menuntut ilmu, apakah yang perlu seorang pelajar lakukan? Tepuk dada, tanya selera.
- (ii) Mengapakah pelajar semakin alpa akan tanggungjawab mereka? Adakah mereka terlalu seronok dengan arus kemodenan sehingga tidak lagi hirau akan tanggungjawab seorang pelajar?
- (iii) Apakah tanggungjawab seorang pelajar? Adakah kamu perlu menghormati saya sebagai seorang guru? Atau adakah kamu hanya perlu belajar?

Calon yang tidak mempunyai pengetahuan tentang ragam bahasa pertanyaan ingkar tidak membina wacana yang memperlihatkan penggunaan ragam bahasa tersebut, sebaliknya mereka hanya menulis ayat penyata. Selain itu, ada calon yang membina wacana tanpa menggunakan frasa tanggungjawab seorang pelajar. Jawapan mereka tidak diterima walaupun wacana yang dibina menepati ragam bahasa pertanyaan ingkar. Contoh jawapan calon adalah seperti yang berikut:

- (i) Sebagai seorang pelajar, kita tidak boleh derhaka kepada guru. Kita juga perlu belajar bersungguh-sungguh kerana itu tanggungjawab kita.
- (ii) Sebagai seorang pelajar kita perlu belajar bersungguh-sungguh. Namun begitu, tidak perlu belajar hingga muntah hijau. Kesihatan juga perlu dijaga.
- (iii) Mengapakah setiap pelajar terikat dengan disiplin sekolah? Mengikuti disiplin sekolah adalah penting untuk melatih diri menjadi seorang yang berguna kelak.

Soalan 33

		Individu	Gabungan gelaran	
(a)	Pak Long Haji Manan bin Idris	+
(b)	Profesor Dr. Tengku Abdul Malek bin Tengku Din	+
(c)	Hajah Wan Latifah binti Haji Wan Jaafar	+

Soalan ini menghendaki calon menyatakan gabungan gelaran untuk setiap individu (a), (b), dan (c) di atas. Jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

		Individu	Gabungan gelaran	
(a)	Pak Long Haji Manan bin Idris	Kekeluargaan	+	Keagamaan
(b)	Profesor Dr. Tengku Abdul Malek bin Tengku Din	Ikhtisas	+	Warisan/ Keturunan
(c)	Hajah Wan Latifah binti Haji Wan Jaafar	Keagamaan	+	Warisan/ Keturunan

Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Mereka memperoleh markah penuh untuk soalan ini. Kebanyakan calon nyata menguasai tajuk gelaran dengan baik. Hal ini membolehkan mereka menyatakan gabungan gelaran bagi setiap individu tersebut dengan tepat. Ada segelintir calon yang cuai ketika menjawab soalan ini. Mereka tidak menggunakan istilah yang betul, misalnya gelaran kekeluargaan ditulis sebagai gelaran keluarga dan gelaran keagamaan ditulis sebagai gelaran agama. Selain itu, calon melakukan kesalahan ejaan, misalnya untuk gelaran ikhtisas dieja sebagai iktisas. Ada calon yang bukannya memberikan jenis gelaran, sebaliknya mereka memberikan rujukan kehormat sebagai jawapan. Ada calon yang menyalin kembali gelaran yang ada pada individu (a), (b), dan (c). Contoh jawapan calon adalah seperti yang berikut:


1.	Individu	Gabungan gelaran		
(a)	Pak Long Haji Manan bin Idris	Gelaran keluarga	+	Gelaran agama
(b)	Profesor Dr. Tengku Abdul Malek bin Tengku Din	Gelaran istisas	+	Gelaran keturunan
(c)	Hajah Wan Latifah binti Haji Wan Jaafar	Gelaran keluarga	+	Gelaran kurniaan

2.	Individu	Gabungan gelaran		
(a)	Pak Long Haji Manan bin Idris	Gelaran keagaaman	+	kekeluargaan
(b)	Profesor Dr. Tengku Abdul Malek bin Tengku Din	Gelaran ikhtisas	+	Kerabat di raja
(c)	Hajah Wan Latifah binti Haji Wan Jaafar	Gelaran warisan	+	kurniaan

3.	Individu	Gabungan gelaran		
(a)	Pak Long Haji Manan bin Idris	Pak long	+	Haji
(b)	Profesor Dr. Tengku Abdul Malek bin Tengku Din	Profesor Dr	+	Tengku
(c)	Hajah Wan Latifah binti Haji Wan Jaafar	Hajah	+	Wan

Laporan Peperiksaan

STPM 2023



Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd. (89120-H)



Majlis Peperiksaan Malaysia

Persiaran 1, Bandar Baru Selayang,
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan.
Tel: 03-6126 1600 Faks: 03-6136 1488
E-mel: ppa[at]mpm.edu.my